

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesudian Kerajaan untuk meletakkan profesional kesihatan di balai polis utama untuk memastikan banduan mendapat penjagaan kesihatan yang diperlukan sejurus mengelakkan kematian dalam tahanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Dalam usaha memastikan Orang Kena Tahan (OKT) mendapat penjagaan kesihatan yang diperlukan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan projek rintis yang mana kini dalam proses penubuhan *Custodial Medical Unit* (CMU) di lokap-lokap berpusat PDRM iaitu:

- i. Lokap Berpusat Indera Mahkota, Pahang;
- ii. Lokap Berpusat Bayan Baru, Pulau Pinang;
- iii. Lokap Berpusat Kepayan, Sabah;
- iv. Lokap Berpusat Shah Alam, Selangor; dan
- v. Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur.

Melalui CMU, Pegawai Perubatan dan *Medical Custodial Team* yang berada di bawah KKM akan ditempatkan di lokap-lokap berpusat bagi tujuan:

- i. Mengesahkan tahap kesihatan OKT sama ada sesuai ditahan di lokap atau dimasukkan ke dalam wad untuk rawatan dan pemantauan;
- ii. Memberi rawatan kepada OKT yang sakit semasa dalam tahanan; dan
- iii. Pengambilan spesimen OKT bagi tujuan siasatan.

Kos keseluruhan bagi mewujudkan CMU di lima (5) Lokap Berpusat PDRM dianggarkan berjumlah RM936,242.00. Pada masa ini, pihak PDRM sedang mengubahsuai bilik untuk menempatkan CMU seperti mana spesifikasi yang dicadangkan oleh pihak KKM. Kelulusan kewangan juga sedang dalam tindakan bagi perolehan peralatan perubatan, peralatan bukan perubatan dan kemudahan tambahan bagi membolehkan bilik CMU beroperasi sepenuhnya.